PARLIMEN MALAYSIA

PARLIMEN BELIA MALAYSIA

PERATURAN TETAP PERSIDANGAN

PARLIMEN BELIA MALAYSIA (PBMy)

Versi terkini sehingga 23 Oktober 2026

KANDUNGAN

A. PERUNTUKAN AM 1

1. Tujuan 1
2. Setiausaha Parlimen Belia Malaysia 1
3. Sekretariat Persidangan Parlimen Belia Malaysia 1
4. Peranan Setiausaha 1
5. Penyata Rasmi Persidangan 2
6. Yang di-Pertua Persidangan 2

B. PERSIDANGAN PARLIMEN BELIA MALAYSIA 2

7. Ketua Sidang 2
8. Memilih Ketua Sidang 3
9. Kehadiran Ahli Perwakilan 4
10. Susunan Tempat Duduk Ahli Perwakilan 4
11. Urusan Keluar Masuk Dewan Persidangan 4
12. Risalat-risalat 4
13. Masa Persidangan 4
14. Cukup Bilang Persidangan 4
15. Bahasa Rasmi 5
16. Aturan Urusan Persidangan 5
17. Masa dan Cara Bercakap 5
18. Kandungan Ucapan 6
19. Gangguan Semasa Berucap 7
20. Tatakelakuan Ahli Semasa Persidangan 7

C. USUL-USUL 8

21. Pemberitahu Usul 8
22. Mengubah usul 9
23. Menarik balik usul 9
24. Cara membahaskan usul 10
25. Undian Suara 10
26. Belah Bahagian 10

D. JAWATANKUASA-JAWATANKUASA PERSIDANGAN 12

27. Jawatankuasa Urusan Persidangan 12
28. Jawatankuasa Pilihan PBMy 12

A. PERUNTUKAN AM

1. Tujuan

Peraturan Tetap Persidangan ini hendaklah diguna pakai dalam semua Persidangan Parlimen Belia Malaysia (“Persidangan”) dengan tujuan memastikan ia berjalan dengan teratur dan mencapai matlamatnya.

2. Setiausaha Parlimen Belia Malaysia

Yang di-Pertua Dewan Rakyat hendaklah melantik secara pentadbiran seorang Pegawai Perkhidmatan Parlimen Malaysia untuk menjadi Setiausaha Parlimen Belia Malaysia (“Setiausaha”) yang bertanggungjawab dalam menguruskan hal ehwal perjalanan Persidangan.

3. Sekretariat Persidangan Parlimen Belia Malaysia

Sekretariat yang terdiri daripada pegawai Perkhidmatan Parlimen Malaysia atau individu yang dilantik hendaklah bertanggungjawab membantu Setiausaha dalam menguruskan hal ehwal perjalanan Persidangan.

4. Peranan Setiausaha

4.1 Setiausaha hendaklah menguruskan surat-menyurat berkaitan Persidangan dan bertanggungjawab menyimpan dengan selamat dan menyelenggara semua dokumen dan rekod Persidangan. Setiausaha juga bertanggungjawab untuk mengedarkan hanya kepada Ahli-ahli Perwakilan Parlimen Belia Malaysia (“Ahli Perwakilan”) yang berhak ke atasnya atau atas persetujuan Yang di-Pertua Persidangan.

4.2 Setiausaha hendaklah memaklumkan mengenai tarikh-tarikh persidangan bagi Penggal yang berkaitan kepada semua Ahli Perwakilan sekurang-kurangnya empat belas (14) hari sebelum tarikh persidangan.

4.3 Setiausaha hendaklah menyediakan Aturan Urusan Persidangan untuk setiap Ahli Perwakilan sebelum persidangan bermula.

4.4 Setiausaha hendaklah menyediakan Penyata Rasmi Persidangan yang mengandungi Ahli-ahli Perwakilan yang hadir, serta segala ketetapan yang dibuat dalam Persidangan.

4.5 Setiausaha juga hendaklah mengaturkan tempat duduk setiap Ahli Perwakilan.

4.6 Setiausaha berhak membuat sebarang pindaan terhadap Peraturan Tetap Persidangan Parlimen Belia Malaysia sekiranya perlu.

5. Penyata Rasmi Persidangan

5.1 Penyata Rasmi Persidangan hendaklah mengandungi semua ucapan yang dikeluarkan dalam Persidangan. Bentuk dan format penyata rasmi tersebut hendaklah ditetapkan oleh Setiausaha, tertakluk kepada arahan Yang di-Pertua Persidangan dari semasa ke semasa.

5.2 Setiausaha hendaklah memastikan supaya salinan Penyata Rasmi Persidangan diedarkan kepada setiap Ahli Perwakilan seberapa segera setelah tamat sesuatu persidangan.

5.3 Seseorang Ahli Perwakilan hendaklah memaklumkan kepada Yang di-Pertua Persidangan jika Ahli Perwakilan tersebut mendapati salinan ucapannya itu tidak betul dan hendak diubahnya ucapan itu. Keputusan Yang-di Pertua Persidangan dalam perkara ini adalah muktamad dan akan dimaklumkan kepada Ahli Perwakilan tersebut.

6. Yang di-Pertua Persidangan

6.1. Yang di-Pertua Dewan Rakyat bertanggungjawab melantik Yang di-Pertua Persidangan yang berkebolehan dan sesuai pada pandangan Yang di-Pertua Dewan Rakyat.

6.2. Keputusan Yang di-Pertua berkenaan dengan sebarang perkara tafsir dalam mana-mana jua Peraturan Tetap ini atau berkenaan dengan kelaziman adalah muktamad.

6.3. Jika semasa membuat apa-apa jua keputusan telah terjadi kegagalan di pihak Majlis untuk mematuhi mana-mana peruntukan Peraturan-peraturan Tetap Persidangan dalam perjalanan Persidangan yang membawa kepada keputusan itu, kegagalan sedemikian hendaklah dikira sebagai suatu perkara luar aturan dan tidak boleh membatalkan perjalanan Persidangan atau keputusan berakibat daripadanya.

B. PERSIDANGAN PARLIMEN BELIA MALAYSIA

7. Ketua Sidang

Hendaklah ada seorang Ketua Sidang yang dipilih di kalangan Ahli-ahli Perwakilan Parlimen Belia.

8. Memilih Ketua Sidang

Aturan memilih Ketua Sidang hendaklah seperti berikut:

8.1. Seorang Ahli Perwakilan mencadangkan nama seorang Ahli Perwakilan yang hendak dipilih menjadi Ketua Sidang melalui surat kepada Setiausaha secara bersurat dalam tempoh tujuh hari sebenar sebelum hari pertama Persidangan, tidak termasuk hari diterima surat tersebut. Ahli Perwakilan yang mencadangkan hendaklah memastikan Ahli Perwakilan yang dicadangkan itu bersetuju untuk dicalonkan.

8.2. Pada hari pertama Persidangan, Ahli Perwakilan bangun mencadangkan Ahli Perwakilan yang dicalonkan tersebut dan hendaklah dikeluarkan usul: "*Iaitu ..... (nama Ahli Perwakilan dan kerusi) dipilih menjadi Ketua Sidang*".

(a) Cadangan ini hendaklah disokong seorang Ahli Perwakilan lain tetapi tidak dibenarkan dibahas.

8.3. Jika hanya seorang Ahli Perwakilan sahaja yang dicadangkan dan disokong menjadi Ketua Sidang, maka Yang di-Pertua Persidangan hendaklah memasyhurkan Ahli Perwakilan tersebut telah dipilih.

8.4. Jika lebih daripada seorang Ahli Perwakilan dicadangkan dan disokong menjadi Ketua Sidang, maka Persidangan hendaklah membuat pilihan dengan undi bersurat melalui kaedah seperti berikut:

(a) Setiausaha memberikan sekeping kertas undi kepada setiap Ahli Perwakilan.
(b) Ahli Perwakilan menulis nama seorang Ahli Perwakilan yang dicalonkan yang hendak dipilih dan seterusnya menulis nama sendiri dan menandatangani kertas tersebut.
(c) Ahli Perwakilan hendaklah melipat kertas undinya supaya nama Ahli Perwakilan yang dipilih tidak dapat dilihat oleh orang lain.
(d) Setiausaha hendaklah memungut kertas-kertas undi tersebut dan undi-undi dikira di meja Setiausaha.
(e) Setelah selesai pengiraan, Setiausaha hendaklah memaklumkan keputusan kepada Yang di-Pertua Persidangan.
(f) Yang di-Pertua Persidangan hendaklah memasyhurkan Ahli Perwakilan tersebut telah dipilih.

8.5. Dalam undi bersurat yang mana terdapat dua atau lebih calon yang mendapat undi tertinggi sama banyak, maka diulang semula proses pemilihan seperti di Peraturan Tetap 8.4 hanya dengan calon-calon tersebut sehingga seorang calon mendapat undi yang tertinggi.

9. Kehadiran Ahli Perwakilan

Semua Ahli Perwakilan adalah diwajibkan hadir dan mengikuti Persidangan sehingga selesai melainkan ada sebab-sebab munasabah yang mendapat kelulusan daripada Setiausaha Parlimen Belia Malaysia. Kegagalan menghadiri Persidangan Parlimen Belia Malaysia tanpa sebab yang munasabah akan dikenakan tindakan oleh Jawatankuasa Urusan Persidangan.

10. Susunan Tempat Duduk Ahli Perwakilan

Ahli-ahli Perwakilan hendaklah duduk di tempat yang diaturkan oleh Setiausaha dan keputusan beliau adalah muktamad.

11. Urusan Keluar Masuk Dewan Persidangan

11.1. Yang di-Pertua Persidangan mempunyai budi bicara untuk membenarkan atau menghalang mana-mana pihak dari memasuki Dewan Persidangan. Budi bicara dan tanggungjawab ini bertujuan membolehkan persidangan berjalan dengan lancar dan bebas daripada sebarang gangguan.

11.2. Bentara Persidangan berkuasa menghalang siapa-siapa yang tidak mendapat kebenaran daripada memasuki Dewan atau mengeluarkan siapa-siapa yang berkelakuan tidak baik, atau yang enggan keluar apabila diperintahkan keluar oleh Yang di-Pertua Persidangan.

12. Risalat-risalat

Risalat-risalat mesyuarat hendaklah dibawa ke dalam mesyuarat hanya oleh Yang di-Pertua Persidangan atau oleh seorang Menteri atau Pengerusi Jawatankuasa Persidangan dan hendaklah dihantar kepada Setiausaha. Risalat hendaklah dalam bentuk cetak, elektronik atau apa-apa rupa cara yang diperintahkan oleh Yang di-Pertua Persidangan.

13. Masa Persidangan

13.1. Setiap Persidangan bermula pada jam 10.00 pagi hingga 1.00 tengah hari dan disambung semula pada jam 2.30 petang hingga 5.30 petang.

13.2. Yang di-Pertua Persidangan boleh mengurang atau melanjutkan masa persidangan jika beliau mendapati perlu berbuat demikian.

14. Cukup Bilang Persidangan

14.1. Cukup bilang bagi Persidangan Parlimen Belia Malaysia adalah 60 orang Ahli Perwakilan, tidak termasuk Yang di-Pertua Persidangan.

14.2. Jika didapati tidak cukup bilang, Yang di-Pertua Persidangan hendaklah meminta Ahli-ahli Perwakilan yang berada di luar dewan persidangan dipanggil masuk.

14.3. Selepas 15 minit, jika didapati masih tidak cukup bilang, Yang di Pertua Persidangan boleh menangguhkan persidangan tersebut kepada hari berikutnya atau persidangan akan datang.

15. Bahasa Rasmi

Bahasa Rasmi persidangan adalah Bahasa Kebangsaan iaitu Bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, Yang di-Pertua Persidangan boleh membenarkan penggunaan Bahasa Inggeris jika keadaan memerlukan sedemikian.

16. Aturan Urusan Persidangan

Urusan bagi tiap-tiap hari Persidangan hendaklah mengikut aturan seperti berikut:

16.1. Yang di-Pertua Persidangan masuk ke dalam Dewan Persidangan

16.2. Doa

16.3. Ahli-ahli Perwakilan baharu mengangkat ikrar

16.4. Pemasyhuran oleh Yang di-Pertua Persidangan

16.5. Urusan-urusan lain mengikut susunan yang tertera dalam Aturan Urusan Persidangan

17. Masa dan Cara Bercakap

17.1. Seseorang Ahli Perwakilan yang hendak bercakap perlu berdiri sehingga namanya dipanggil oleh Yang di-Pertua Persidangan. Seseorang Ahli Perwakilan tidak boleh bercakap selagi namanya belum dipanggil oleh Yang di-Pertua Persidangan.

17.2. Jika terdapat dua (2) orang Ahli Perwakilan atau lebih yang berdiri serentak, Yang di-Pertua Persidangan boleh memanggil nama Ahli Perwakilan yang beliau nampak berdiri lebih awal.

17.3. Yang di-Pertua Persidangan boleh mengehadkan masa bagi Ahli-ahli Perwakilan yang berbahas mengikut keadaan.

17.4. Seseorang Ahli Perwakilan hanya dibenarkan bercakap sekali sahaja dalam satu-satu perkara melainkan beliau diminta untuk menjelaskan semula perkara yang tidak difahami yang telah dinyatakan olehnya.

18. Kandungan Ucapan

18.1. Tidak boleh disebutkan apa-apa perkara yang sedang dalam timbangan mahkamah.

18.2. Dalam ucapan masing-masing Ahli-ahli Perwakilan dilarang memburuk-burukkan nama Ahli lain.

18.3. Seseorang Ahli Perwakilan dilarang mengeluarkan kata-kata kasar, biadap atau seksis dalam ucapan masing-masing.

18.4. Seseorang Ahli tidak dibenar menyebutkan nama Ahli Perwakilan yang lain. Beliau dikehendaki memanggil nama Ahli Perwakilan lain menggunakan nama negeri dan kod yang diwakilinya.

18.5. Seseorang Ahli Perwakilan tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas mana-mana Ahli Perwakilan lain.

18.6. Seseorang Ahli Perwakilan tidak dibenarkan menggunakan nama Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atau nama Raja-raja Melayu atau Tuan-tuan Yang Terutama Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Negeri bagi mempengaruhi Persidangan.

18.7. Seseorang Ahli Perwakilan dilarang mengeluarkan kata-kata derhaka kepada negara atau pemimpin negara atau kata-kata yang boleh mencetuskan rasa kemarahan dan permusuhan antara kaum.

18.8. Jika sesuatu ucapan itu mengandungi sesuatu kata-kata, maka Ahli Perwakilan yang berucap itu hendaklah bertanggungjawab terhadap betul atau tidak kata-kata itu.

18.9. Yang di-Pertua Persidangan boleh untuk tidak membenarkan mana-mana Ahli Perwakilan meneruskan ucapan jika berlaku berpuas hati bahawa ucapan tersebut tidak wajar diteruskan.

18.10. Setiap pertanyaan hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:

(a) Penggunaan perkataan yang tidak berkaitan dengan maksud pertanyaan hendaklah dielakkan;
(b) Ahli Perwakilan hendaklah bertanggungjawab atas sebarang kenyataan di dalam pertanyaan yang dikemukakan;
(c) Tidak dibenarkan mengandungi apa-apa hujah, sangkaan, fikiran, tohmahan, puji, keji atau istilah yang mengelirukan dan menyindir serta perkara-perkara lain yang remeh-temeh;
(d) Pertanyaan yang pernah dikemukakan sebelumnya dan telah dijawab adalah tidak perlu untuk dikemukakan semula;

(e) Tidak boleh menjurus kepada perkara-perkara yang merupakan rahsia kepada kerajaan dan negara;
(f) Tidak boleh menyentuh perkara yang sedang dibicarakan di mahkamah;
(g) Tidak boleh mengandungi apa-apa sebutan kurang adab berkenaan dengan sesebuah negara asing yang baik perhubungannya dengan Malaysia;
(h) Tidak boleh mengandungi perkara-perkara yang berkehendakkan penerangan berkenaan dengan hal ehwal dalaman sesebuah negara asing; dan
(i) Pertanyaan tidak boleh menyentuh perkara yang boleh disifatkan mempunyai unsur tuduhan atau prasangka terhadap mana-mana pihak lain.

19. Gangguan Semasa Berucap

19.1. Seseorang Ahli Perwakilan tidak dibenarkan mengganggu semasa Ahli Perwakilan lain sedang berucap kecuali untuk:

(a) memaklumkan Yang di-Pertua Persidangan bahawa berlakunya perlanggaran ke atas Peraturan Tetap Persidangan oleh Ahli Perwakilan yang sedang berucap; atau
(b) memohon penjelasan mengenai apa yang sedang diucapkan dengan syarat Ahli Perwakilan yang sedang berucap bersetuju untuk memberi laluan kepadanya.

19.2. Yang di-Pertua Persidangan boleh untuk tidak membenarkan mana-mana Ahli Perwakilan meminta penjelasan sama ada disebabkan kesuntukan masa atau Yang di-Pertua Persidangan berpuas hati bahawa Ahli Perwakilan berkenaan hanya berniat untuk mengganggu Ahli Perwakilan yang sedang berucap.

20. Tatakelakuan Ahli Semasa Persidangan

20.1. Semasa persidangan sedang berjalan, peraturan berikut perlu dipatuhi :

(a) Pergerakan keluar masuk dewan Persidangan hendaklah secara sopan dan tertib;
(b) Tidak dibenarkan untuk memasang sebarang peranti bagi membuat penstriman langsung dalam dewan Persidangan;
(c) Tidak dibenarkan merokok atau rokok elektronik dalam dewan Persidangan;
(d) Semasa Ahli lain sedang bercakap, semua Ahli Perwakilan hendaklah diam dan jangan menimbulkan sebarang gangguan.

(e) Ahli-ahli Perwakilan lelaki hendaklah memakai sama ada pakaian kebangsaan, atau lounge suit; manakala Ahli-ahli Perwakilan wanita hendaklah memakai sama ada pakaian kebangsaan, sarung dan blaus berlengan panjang, atau skirt yang sekurang-kurangnya paras lutut dan blaus berlengan panjang atau apa-apa pakaian lain sebagaimana dibenarkan oleh Yang di-Pertua Persidangan.

(f) Ahli-ahli Perwakilan sentiasa patuh kepada arahan Yang di-Pertua Persidangan dan hendaklah duduk dan diam apabila Yang di-Pertua Persidangan mencelah semasa Ahli Perwakilan sedang bercakap.

20.2. Mana-mana Ahli Perwakilan yang berkelakuan tidak senonoh atau dengan sengaja melanggar Peraturan Tetap Persidangan, atau ingkar arahan Yang di-Pertua Persidangan atau melakukan apa jua bentuk perlakuan yang dianggap menghina Persidangan, dan perlakuan tersebut berterusan walaupun setelah teguran dibuat oleh Yang di-Pertua Persidangan, Yang di-Pertua Persidangan hendaklah memberikan amaran secara lisan.

20.3. Sekiranya amaran lisan tersebut tidak diendahkan, Yang di-Pertua Persidangan hendaklah memerintahkan Ahli Perwakilan tersebut keluar bagi tempoh tidak melebihi empat jam dan Ahli Perwakilan tersebut hendaklah dengan serta-merta keluar dari dewan Persidangan. Sekiranya hari Persidangan berakhir sebelum tamat tempoh sedemikian, maka baki tempoh itu hendaklah dibawa ke hari lain Persidangan, melainkan jika Parlimen Belia dibubarkan sebelumnya. Jika Pengerusi tidak menentukan tempoh Ahli Perwakilan diminta keluar, tempoh tersebut hendaklah disifatkan sebagai selama tiga puluh minit bermula daripada tempoh Ahli Perwakilan keluar dari Dewan.

20.4. Sekiranya didapati Ahli melakukan kesalahan yang serius, suatu usul hendaklah dikemukakan untuk diputuskan dalam persidangan bagi merujuk Ahli Perwakilan tersebut ke Jawatankuasa Tatatertib.

C. USUL-USUL

21. Pemberitahu Usul

21.1. Usul-usul yang hendak dibawa ke dalam Persidangan hendaklah didahulukan dengan pemberitahu bertulis kepada Setiausaha.

(a) Pemberitahu usul tersebut hendaklah ditandatangani.

(b) Pemberitahu usul tersebut perlulah dikeluarkan pemberitahu dalam tempoh tidak kurang tiga hari sebelum ia dicadang dibawa ke dalam Persidangan.

21.2. Setiausaha boleh menolak mana-mana usul sekiranya berpuas hati bahawa:

(a) Pencadang usul hanya berniat hendak mengambil peluang berucap di dalam Persidangan; atau
(b) Jika sesuatu perkara itu telah dibincangkan dalam Persidangan yang sedang berlangsung; atau
(c) Usul tersebut melanggar mana-mana syarat dalam Peraturan Tetap.

21.3. Mana-mana usul yang ditolak di bawah Perkara 18 tidak boleh dikemukakan dan tidak boleh dibaca dalam Persidangan.

21.4. Usul yang diterima hendaklah dimasukkan dalam Aturan Urusan Persidangan pada hari ia dibawa ke dalam Persidangan.

22. Mengubah usul

Jika seseorang Ahli Perwakilan hendak mengubah isi-isi sesuatu usul yang telah dihantar olehnya, maka Ahli Perwakilan tersebut boleh mengubahnya dengan menghantarkan pemberitahu kepada Setiausaha sebelum ia dibawa ke dalam persidangan.

Dengan syarat pindaan itu hendaklah tidak mengubah asas atau tujuan yang terkandung dalam usul itu pada perkara besar.

23. Menarik balik usul

23.1. Seseorang Ahli Perwakilan boleh menarik balik usulnya dengan menghantar pemberitahu bersurat kepada Setiausaha

23.2. Apabila pemberitahu usul ditarik balik selepas usul itu dimasukkan dalam Aturan Urusan Mesyuarat, maka usul itu tidak boleh dicadangkan tetapi hendaklah dibiarkan dalam Aturan Urusan Mesyuarat dan apabila sampai masanya, Yang di-Pertua hendaklah memasyhurkan bahawa usul itu disifatkan telah ditarik balik.

23.3. Sesuatu usul boleh ditarik balik oleh pencadangnya semasa perbahasan usul tersebut berlangsung tetapi sebelum ia dikemuka bagi diputuskan oleh Persidangan. Usul atau pindaan yang ditarik balik demikian itu tidak boleh dicadangkan untuk dibawa semula ke dalam Persidangan.

24. Cara membahaskan usul

Usul-usul hendaklah dibahas mengikut tatacara seperti berikut:

24.1. Usul dicadangkan oleh seorang Ahli Perwakilan dalam Persidangan, dan hendaklah disokong oleh seorang Ahli Perwakilan lain.

24.2. Yang di-Pertua Persidangan kemudian memaklumkan kepada Persidangan bahawa usul tersebut dibuka untuk dibahas, dan seterusnya usul tersebut boleh dibahaskan.

24.3. Tertakluk kepada syarat-syarat dalam Peraturan Tetap ini, apabila tidak ada lagi Ahli Perwakilan yang berbahas, maka Yang di-Pertua Persidangan hendaklah meminta keputusan Persidangan terhadap usul tersebut melalui undian.

24.4. Seseorang Ahli Perwakilan tidak boleh bercakap lagi atas sesuatu masalah yang telah selesai dikemukakan oleh Yang di-Pertua Persidangan bagi diputuskan.

25. Undian Suara

25.1. Apabila masalah itu telah dikemukakan oleh Yang di-Pertua Persidangan kepada Persidangan bagi diputuskan setelah tamat perbahasan dijawab, maka undian hendaklah dibuat dengan menurut suara *Ya* dan *Tidak,* dan (dengan syarat tidak ada Ahli Perwakilan yang meminta diadakan belah bahagian) keputusan itu hendaklah dimasyhurkan oleh Yang di-Pertua Persidangan.

26. Belah Bahagian

26.1. Jika pada pertimbangan Yang di-Pertua Persidangan bahawa keputusan ke atas sesuatu masalah itu dilawan oleh mana-mana Ahli Perwakilan yang meminta diadakan belah bahagian, maka Yang di-Pertua Persidangan hendaklah meminta Ahli-ahli Perwakilan yang mahukan belah bahagian itu bangun di tempat masing-masing.

(a) Sekiranya ada sekurang-kurangnya 40 orang Ahli Perwakilan yang bangun bagi meminta belah bahagian diadakan, maka Yang di-Pertua Persidangan hendaklah memerintahkan belah bahagian diadakan

(b) Jika kurang daripada 40 orang Ahli Perwakilan yang bangun, maka Yang di-Pertua Persidangan hendaklah memasyhurkan keputusan undi suara dengan serta-merta.

26.2. Apabila belah bahagian telah diperintahkan, tatacara pelaksanaan belah bahagian adalah seperti berikut:

(a) Yang di-Pertua Persidangan mengarahkan loceng dibunyikan selama 2 minit. Ahli-ahli yang masuk selepas loceng dibunyikan tidak dibenarkan untuk mengundi.
(b) Yang di-Pertua Persidangan memaklumkan nama-nama Penghitung dan Pemeriksa Undi yang terdiri daripada Ahli-ahli Perwakilan.
(c) Penghitung Undi hendaklah bertanya pada tiap-tiap Ahli Perwakilan pihak mana hendak diundinya sambil diperhatikan oleh Pemeriksa Undi.
(d) Seseorang Ahli Perwakilan itu apabila ditanya pihak mana hendak diundinya, bolehlah mengundi dengan mengatakan ia mengundi bagi pihak *Bersetuju* atau bagi pihak *Tidak Bersetuju* atau dengan menyatakan dengan jelas *Tidak Mengundi*.
(e) Seseorang Ahli Perwakilan tidak boleh memberi jawapan yang berlainan dengan pilihan yang dibuat semasa undian suara.
(f) Apabila semua undian telah dikumpul oleh Penghitung Undi, borang belah bahagian itu hendaklah diserahkan kepada Setiausaha dan undi-undi dikira di meja Setiausaha.
(g) Setelah selesai pengiraan, Setiausaha hendaklah memaklumkan keputusan kepada Yang di-Pertua Persidangan.
(h) Yang di-Pertua Persidangan hendaklah menyebutkan berapa bilangan Ahli Perwakilan yang *Bersetuju*, *Tidak Bersetuju*, dan *Tidak Mengundi*, dan seterusnya memasyhurkan keputusan undian tersebut.
(i) Jika bilangan undi Setuju dan Tidak Setuju adalah sama, maka Yang di-Pertua Persidangan hendaklah mengeluarkan undi pemutus.
(j) Setiausaha hendaklah mencatatkan undi setiap Ahli Perwakilan itu dan nama Ahli-ahli Perwakilan yang tidak mengundi dalam Penyata Rasmi Persidangan.

26.3. Setiap Ahli Perwakilan adalah bertanggungjawab atas undiannya sendiri.

26.4. Ahli Perwakilan tidak dibenar mengundi bagi pihak Ahli Perwakilan lain.

26.5. Keputusan undian adalah muktamad setelah dimasyhurkan oleh Yang di-Pertua Persidangan.

D. JAWATANKUASA-JAWATANKUASA PERSIDANGAN

27. Jawatankuasa Urusan Persidangan

27.1. Hendaklah ada sebuah Jawatankuasa Urusan Persidangan bagi:

(a) mengesahkan Ahli-ahli Perwakilan yang menganggotai mana-mana Jawatankuasa Pilihan Parlimen Belia Malaysia ("Jawatankuasa Pilihan");
(b) memuktamadkan usul-usul untuk dibahas semasa hari persidangan; dan
(c) mempertimbangkan tindakan ke atas mana-mana Ahli Perwakilan yang melanggar Peraturan Tetap Persidangan.

27.2. Jawatankuasa ini terdiri daripada anggota-anggota berikut:

(a) Yang di-Pertua Dewan Rakyat atau wakil yang dilantik olehnya;
(b) Ketua Pentadbir Parlimen Malaysia sebagai Timbalan Pengerusi; dan
(c) Setiausaha Parlimen Belia Malaysia sebagai Setiausaha.

28. Jawatankuasa Pilihan PBMy

28.1. Hendaklah diwujudkan enam Jawatankuasa Pilihan PBMy ("JKP PBMy") yang dibentuk berdasarkan bidang-bidang Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals*, SDG) iaitu:

(a) JKP PBMy berkaitan Kewangan, Ekonomi, Perdagangan Dalam Negeri, Keusahawanan, Kos Sara Hidup dan Pertanian (SDG 1,2, 8,10, 12);
(b) JKP PBMy berkaitan Pembinaan Negara Bangsa, Pendidikan dan Pembangunan Sumber Manusia (SDG 4, 5, 8, 10, 16);
(c) JKP PBMy berkaitan Alam Sekitar, Sains dan Perladangan (SDG 2, 6,7,9,12, 13, 15);
(d) JKP PBMy berkaitan Perhubungan Antara Bangsa, Perdagangan Antarabangsa dan Keselamatan (SDG 8, 9, 16, 17);
(e) JKP PBMy berkaitan Kesihatan, Wanita, Kanak-Kanak dan Pembangunan Masyarakat, Hak Asasi Manusia, Pilihan Raya dan Reformasi Institusi (SDG 3, 5, 10, 16, 17); dan
(f) JKP PBMy berkaitan Infrastruktur, Pengangkutan dan Komunikasi (SDG 9, 10, 11, 13, 17).

28.2. Setiap Ahli Perwakilan diwajibkan menganggotai sekurang-kurangnya satu JKP PBMy. Setiap Jawatankuasa hendaklah mengandungi komposisi yang terdiri daripada Ahli Perwakilan seperti berikut:

(a) seorang Pengerusi;
(b) seorang Naib Pengerusi;
(c) seorang Setiausaha Jawatankuasa; dan
(d) Ahli-ahli.

28.3. Nama-nama Ahli Perwakilan yang dilantik menduduki JKP PBMy hendaklah dicadangkan oleh Setiausaha dan dipersetujui oleh Jawatankuasa Urusan Persidangan.

28.4. Cukup bilang bagi mesyuarat setiap JKP PBMy adalah 10 orang termasuk Pengerusi. Jika didapati tidak cukup bilang, maka Setiausaha Jawatankuasa hendaklah meminta mesyuarat ditangguhkan dan tiada keputusan boleh dibuat.

28.5. Perbincangan setiap JKP PBMy dihadkan hanya kepada skop atau bidang Jawatankuasa tersebut, termasuk mencadangkan usul-usul untuk dibawa masuk ke dalam Persidangan.

28.6. Kekerapan mesyuarat, tarikh, masa dan tempat mesyuarat JKP PBMy adalah ditentukan oleh Pengerusi dan Setiausaha setiap Jawatankuasa yang berkenaan mengikut kesesuaian.

28.7. Setiap Ahli Perwakilan memegang jawatan dalam JKP PBMy masing-masing sehingga tamat tempoh perkhidmatan mereka sebagai Ahli Parlimen Belia Malaysia bagi penggal berkenaan.

28.8. Jika berlaku kekosongan dalam keanggotaan JKP PBMy atas sebab tidak dapat dielakkan, maka Setiausaha boleh mencadangkan nama Ahli Perwakilan lain untuk mengisi kekosongan tersebut.

BUKU PERATURAN
TETAP PERSIDANGAN PARLIMEN BELIA MALAYSIA

Disediakan oleh:

SEKRETARIAT PARLIMEN BELIA MALAYSIA (PBMy)
Parlimen Malaysia
Bangunan Parlimen, Jalan Parlimen, Kuala Lumpur
www.parlimen.gov.my